



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.  
Tingkat 6, Wisma Sri Pahang,  
25592 Kuantan.  
Tel.: 09-512 6800 Fax.: 09-513 4839  
Kawat: 'TREASURER' E-mail: pkn@pahang.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 3361



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 3361

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 (33)

Tarikh 28 Julai 2017

## SEMUA KETUA JABATAN

YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan,

## PEROLEHAN KENDERAAN JABATAN DI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI PAHANG

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan sedia maklum, Kerajaan Negeri Pahang telah menerimapakai **1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)** bagi semua urusan berkaitan kewangan dan perolehan khususnya pembelian kenderaan Jabatan. **1PP PK 7.3: Perolehan Kenderaan** telahpun menggariskan agar perolehan kenderaan jabatan dilaksanakan secara Rundingan Terus. Walau bagaimanapun Rundingan Harga masih perlu dilaksanakan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

3. Walau bagaimanapun, Pentadbiran ini mendapati masih terdapat jabatan yang tidak melaksanakan Rundingan Harga bagi pembelian kenderaan. **Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan satu (1) salinan 1PP PK 7.3: Perolehan Kenderaan dan PK 7.14 Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus** untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Perhatian dan kerjasama YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

( DATO' INDERA HAJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN,  
SIMP., DSAP., DIMP., SMP. )  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PAHANG DARUL MAKMUR

- s.k.: 1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri  
2. Akauntan Negeri